



## Pembangunan program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia: Profil, produk dan prospek

Jabil Mapjabil<sup>1</sup>, Siti Asma' Mohd Rosdi<sup>1</sup>, Munir Shuib<sup>1</sup>, Sharmini Abdullah<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Minden, Pulau Pinang,

<sup>2</sup>Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan, Universiti Malaysia Perlis, Kuala Perlis

Correspondence: Jabil Mapjabil (email: bill@usm.my)

### Abstrak

Program homestay ialah pelancongan berasaskan komuniti yang menawarkan kepada pelancong pengalaman alam semulajadi dan gaya hidup desa tempatan. Ianya merupakan program yang semakin menarik minat dan perhatian di Wilayah Pembangunan Utara Malaysia (WPUM) kerana kedayaannya menjadi pentas bagi melibatkan komuniti tempatan dalam usaha menyemarakkan potensi ekonomi sumber budaya tempatan dan memelihara alam sekitar. Kertas ini menampilkan dapatan kajian lapangan yang meneliti pembangunan program homestay di WPUM. Program ini mengandungi 26 homestay (9 di Penang, 14 di Kedah dan 3 di Perlis) dan melibatkan 552 operator. Kajian mendapati bahawa kebanyakan operator homestay adalah terdiri daripada wanita berusia 40-60 tahun yang berkahwin dan berkeluarga serta mempunyai pendidikan menengah. Tarikan alam semula jadi utama ialah Gua Kelam dan Taman Herba di Perlis, pulau Pinang sendiri terutama sejak ianya di iktiraf oleh UNESCO sebagai warisan dunia, dan pulau bersejarah Langkawi. Tarikan budaya utama pula berkisar di sekitar gaya hidup Melayu utara terutamanya adat istiadat dan loghat tempatan. Kesimpulannya, program homestay menyerlahkan potensinya sebagai sumber penting pembangunan bagi WPUM sejajar dengan matlamat Plan Induk Pembangunan Pelancongan Malaysia.

**Katakunci:** luar bandar, pelancongan, pembangunan komuniti, produk program homestay, profil program homestay, program homestay

## Homestay programme development in the Northern Region of Peninsular Malaysia: Profile, products and prospects

### Abstract

The homestay programme is a form of community-based tourism which offers tourists the experience of local nature and rural lifestyle. It is a programme that is fast catching attention in the Northern Development Region of Malaysia as it serves as a platform for engaging the local community in harnessing the economic potentials of local cultural resources and preserving the environment. This article presents the findings of a field study which looked into the development of a homestay programme in the region. The homestay programme comprised 26 homestays (9 in Penang, 14 in Kedah and 3 in Perlis) and involved 552 operators. It was found that the majority of operators were 40-60 years old females, married with children and had secondary education. The main natural attractions were the Gua Kelam (the Kelam Caves) and the Herb Garden in Perlis, the Penang island itself especially since it has been recognised by UNESCO as a world heritage site, and the historic island of Langkawi. Major cultural attractions revolved around the lifestyle of the northern Malays in particular their customs and dialects. In

conclusion, the homestay programme does have the potential to become a vital development resource for the region in line with the goals outlined in the country's Rural Tourism Master Plan.

**Keywords:** community development, homestay programme, homestay programme product, homestay programme profile, rural area, tourism

## Pengenalan

Pelancongan mempunyai pelbagai definisi yang membawa maksud namun mempunyai tujuan dan objektif yang sama iaitu berada di sesuatu tempat yang melibatkan pergerakan atau perjalanan ke sesuatu tempat tersebut dengan tujuan melihat alam semula jadi, berekreasi, berehat, bercuti, urusan pekerjaan atau motif yang lain. Pelancong yang melawat terdiri daripada pelancong tempatan atau domestik dan pelancong asing. Bagaimanapun, pelancong tempatan atau domestik boleh dibahagikan kepada dua iaitu pengunjung harian atau pelancong domestik yang menetap di sesuatu kawasan pelancongan melebihi 24 jam. Pelancong yang berkunjung ke program homestay mempunyai matlamat dan objektif yang ingin dicapai seperti pengalaman berada di kawasan kampung.

Program homestay adalah salah satu strategi pelancongan di luar bandar. Ia melibatkan pelancong menginap, menjamu selera dan dihiburkan dengan acara tradisional dan aktiviti bersama penduduk kampung yang terlibat. Melalui program ini, pelancong dapat berinteraksi secara terus dengan keluarga yang menjadi tuan rumah (hos) mereka (Norliza Aminudin & Salamiah A. Jamal, 2006). Justeru, program homestay boleh didefinisikan sebagai pengalaman di mana pelancong tinggal bersama keluarga yang dipilih, berinteraksi dan menimba pengalaman kehidupan seharian keluarga homestay dan mempelajari budaya masyarakat luar bandar di Malaysia. Produk homestay tidak digolongkan sebagai kemudahan penginapan. Ia lebih memfokuskan kepada gaya hidup dan pengalaman, termasuk budaya dan kegiatan ekonomi (Kementerian Pelancongan Malaysia, 2010). Konsep utama yang ditekankan bagi produk ini adalah lebih kepada produk pelancongan *lifestyle* atau yang berunsurkan pengalaman. Program homestay ialah suatu bentuk produk pelancongan yang lebih menekankan kepada pelancongan berasaskan komuniti dan tarikan ekopelancongan (Hathaichanok Phonwiset, 2008). Menurut Wipada Unlumlert (2007), program homestay didefinisikan sebagai;

*as one type of lodging that the tourists share with home owner with intention to learn culture and lifestyles from the home owner who is willing to transmit and sharing culture. The homeowner is the one who prepared lodging and foods for the tourists with reasonable pay.*

Di Malaysia, program homestay begitu dikenali dan ia merujuk kepada penginapan pelancong tinggal bersama pengusaha, menjamu selera dan terlibat dalam aktiviti tradisional dan aktiviti bersama komuniti tempatan. Program homestay bukan sahaja melibatkan pengusaha dan penduduk dalam program tersebut tetapi berkait dengan budaya, cara hidup masyarakat setempat dan mempromosikan kawasan tarikan yang berdekatan homestay tersebut. Justeru, pelancong yang berkunjung dapat menyaksikan kepelbagaian adat dan budaya hidup masyarakat yang pastinya mempunyai keunikan dan keistimewaan mereka yang tersendiri. Konsep homestay yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia adalah tidak sama dengan konsep homestay di luar negara. Di Malaysia, program homestay dikenali sebagai penginapan tinggal bersama keluarga angkat dan menjalani aktiviti bersama keluarga angkat sambil terlibat dalam aktiviti tradisional dan aktiviti bersama penduduk kampung. Di luar negara, terdapat pelbagai terma yang digunakan merujuk kepada penginapan pelancong tinggal dengan tuan rumah antaranya *farm stay*, *home visit system*, *agricultural homestay*, mahupun *bed and breakfast* iaitu

pelancong hanya menginap dan menikmati sarapan pagi sahaja (Norliza Aminudin & Salamiah A. Jamal, 2006). Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1, bilangan homestay di negara ini turut meningkat, meskipun agak perlahan, dengan peningkatan bilangan pelancong.

**Jadual 1. Pencapaian program homestay untuk tahun 2006 – 2009**

	2006	2007	2008	2009*
Pelancong Domestik	21,795 (68%)	45,354(69%)	68,416 (75%)	29,782(72%)
Pelancong Antarabangsa	10,038 (32%)	20,361 (31%)	23,117 (25%)	11,729(28%)
Jumlah Pelancong	31,833 (100%)	65,715(100%)	91,533 (100%)	41,511(100%)
Jumlah Hasil (RM)	2,065,980.34	4,923,433.30	6,393,676.63	3,062,244.35
Bil. Pengusaha	1,563	2,533	3,034	3,264
Bil. Homestay	105	135	146	140

\*Sehingga 30 Mei 2009

Sumber: Kementerian Pelancongan Malaysia (2009)

Dalam konteks Malaysia, aktiviti pelancongan merupakan salah satu sektor ekonomi yang penting dan menjadi penyumbang pendapatan utama dalam sektor perkhidmatan. Pelbagai kaedah pemasaran dan promosi yang dijalankan bagi menggiatkan kedatangan pelancong ke negara ini, antaranya melalui program homestay yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan pelancong. Pengusaha homestay juga mengambil inisiatif dan peluang dengan menaiktaraf kemudahan dan infrastruktur bagi tujuan keselesaan pelancong.

Kertas ini bertujuan menampilkan dapatan kajian lapangan yang meneliti pembangunan program homestay di Wilayah Pembangunan Utara (WPUM) Malaysia . Program ini mengandungi 26 homestay (9 di Penang, 14 di Kedah dan 3 di Perlis) dan melibatkan 552 operator.


### **Pembangunan program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia**

Pembangunan ekonomi di tiga buah negeri di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia mempunyai persamaan dan perbezaannya yang tersendiri. Pulau Pinang selain sebagai negeri perindustrian juga dikenali sebagai destinasi pelancongan. Ia mempunyai persamaan dengan Pulau Langkawi, Kedah. Manakala Perlis dan Kedah adalah terkenal sebagai ‘jelapang padi’ negara. Namun begitu, kesemua negeri ini menjadikan program homestay sebagai salah satu strategi membangunkan komuniti tempatan di luar bandar masing-masing.

Berhubung dengan penyertaan dalam program homestay mengikut negeri di Malaysia, Rajah 1 menunjukkan bahawa negeri Sarawak dan Sabah mencatatkan penyertaan tertinggi iaitu masing-masing dengan 13% manakala negeri Perlis hanya meliputi 1% daripada penglibatan keseluruhan di peringkat nasional. Manakala negeri Kedah termasuk Pulau Langkawi mencatatkan 5% dan Pulau Pinang pula ialah 7%.

Jadual 2 menunjukkan bilangan program homestay yang terdapat di utara tanahair. Secara keseluruhannya, terdapat 26 buah program homestay, 31 buah kampung yang terlibat, seramai 552 orang pengusaha dan 684 buah bilik ditawarkan untuk penginapan pelancong di ketiga-tiga negeri tersebut.

Jadual 3 menunjukkan ketibaan pelancong untuk program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia pada tahun 2006 sehingga tahun 2008. Ketiga-tiga negeri iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang menunjukkan peningkatan setiap tahun. Walau bagaimanapun, bilangan pelancong antarabangsa yang menyertai program homestay di negeri Perlis merosot dari 110 orang pada tahun 2007 kepada 55 orang pada tahun 2008.



Sumber: Kementerian Pelancongan Malaysia (2009)

Rajah 1. Penyertaan homestay mengikut negeri di Malaysia

Jadual 2. Bilangan program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia

Bil.	Negeri	Jumlah homestay	Jumlah kampung	Jumlah peserta	Jumlah bilik
1	Perlis	3	3	56	64
2	Kedah	14	19	296	393
3	Pulau Pinang	9	9	200	227
Jumlah		26	31	552	684

Sumber: Kementerian Pelancongan Malaysia (2010), dikemaskini pada 14/06//2010

Jadual 3. Jumlah ketibaan pelancong untuk program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia 2006-2008

No.	Negeri	Jum. Pelancong Domestik			Jum. Pelancong Antarabangsa		
		2006	2007	2008	2006	2007	2008
1.	Perlis	-	390	1,286	-	110	55
2.	Kedah	1,821	3,804	6,242	128	213	377
3.	Langkawi	87	290	697	20	49	290
4.	Pulau Pinang	-	-	70	-	-	125

Sumber: Kementerian Pelancongan Malaysia (2009)

Dari segi hasil pendapatan daripada program homestay, Jadual 4 menunjukkan pulangan yang diperolehi dari program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia dari tahun 2006 sehingga tahun 2008. Negeri Perlis mencatat kenaikan berganda setiap tahun dari lebih RM 18 ribu pada tahun 2006, meningkat kepada RM36 ribu tahun 2007 dan seterusnya RM72 ribu pada

tahun 2008. Negeri Kedah juga mencatat kenaikan pada tahun 2007 tetapi merosot pada tahun 2008. Pulau pelancongan yang terkenal iaitu Pulau Langkawi mencatat kenaikan secara konsisten dari tahun 2006 sehingga 2008 manakala negeri Pulau Pinang tiada rekod diperolehi untuk tahun 2006 dan 2007.

**Jadual 4. Jumlah hasil program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia 2006-2008**

No.	Negeri	Jumlah hasil (RM)		
		2006	2007	2008
1.	Perlis	18,310.00	36,050.00	72,690.00
2.	Kedah	195,660.00	208,730.00	154,515.00
3.	Langkawi	10,700.00	22,530.00	52,760.00
4.	Pulau Pinang	-	-	10,320.00

Sumber: Kementerian Pelancongan Malaysia (2009)

### Profil program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia

Di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia, kemudahan asas dan fasiliti yang lengkap dan selesa membantu dalam pembangunan program homestay. Setiap homestay dilengkapi dengan kemudahan bilik penginapan. Jadual 5 menunjukkan bilangan kampung dan bilik penginapan bagi setiap homestay di Perlis. Terdapat 3 buah kampung yang menyertai program homestay iaitu Homestay Ujong Bukit yang mempunyai 12 pengusaha dan 13 buah bilik penginapan, Homestay Paya Guring terdapat 1 buah kampung dan 25 bilik penginapan dan Homestay Felde Mata Ayer 1 buah kampung serta 26 bilik penginapan.

**Jadual 5. Senarai program homestay di Negeri Perlis**

Bil.	Nama homestay	Bilangan kampung	Bilangan pengusaha	Jumlah bilik
1	Homestay Ujong Bukit	1	12	13
2	Homestay Paya Guring	1	22	25
3	Homestay Felde Mata Ayer	1	22	26
	Jumlah	3	56	64

Sumber: Kementerian Pelancongan Malaysia (2010), dikemaskini pada 14/06/2010

Jadual 6 menunjukkan senarai program homestay di Negeri Pulau Pinang. Terdapat 9 buah program homestay iaitu 3 homestay di bahagian pulau dan 6 homestay di tanah besar. Secara

**Jadual 6. Senarai program homestay di Negeri Pulau Pinang**

Bil.	Nama homestay	Bilangan kampung	Bilangan pengusaha	Jumlah bilik
1	Homestay Mengkuang Titi	1	29	48
2	Homestay Sungai Semilang	1	17	17
3	Homestay Sungai Setar	1	20	20
4	Homestay Sungai Duri	1	37	37
5	Homestay Sungai Chenaam	1	30	30
6	Homestay Pulau Aman	1	20	23
7	Homestay Teluk Bahang	1	11	15
8	Homestay Jalan Bahru	1	23	23
9	Homestay Pulau Betong	1	13	14
	Jumlah	9	56	64

Sumber: Kementerian Pelancongan Malaysia (2010), dikemaskini pada 14/06/2010

umumnya, setiap program homestay dimiliki oleh sebuah kampung. Terdapat 56 orang pengusaha dan 64 bilik penginapan keseluruhan di program homestay di Pulau Pinang. Homestay Sungai Duri, Sungai Chenaam, Mengkuang Titi, dan Jalan Bahru mempunyai bilangan pengusaha yang melebihi 20 orang.

Jadual 7 dan Rajah 2 menunjukkan senarai program homestay di Negeri Kedah. Di negeri Kedah terbahagi kepada dua kawasan iaitu Pulau Langkawi dan tanah besar negeri Kedah. Terdapat 14 program homestay dan kesemuanya mempunyai sebuah kampung setiap program. Hanya Homestay Pulau Tuba sahaja yang melibatkan 6 buah kampung dalam perusahaan program homestay. Bilangan pengusaha yang mencatatkan paling ramai ialah Homestay Wan Tok Rendong yang terletak di Pulau Langkawi iaitu seramai 69 orang manakala Homestay Kampung Padang Lalang adalah paling sedikit iaitu 5 orang pengusaha sahaja.

**Jadual 7. Senarai program homestay di Negeri Kedah**


Bil.	Nama homestay	Bilangan kampung	Bilangan pengusaha	Jumlah Bilik
1	Homestay Relau	1	28	38
2	Homestay Raga	1	26	26
3	Homestay Kampung Desa Keda	1	26	44
4	Homestay Jeruju	1	20	20
5	Homestay Sungai Badak	1	17	22
6	Homestay D'Belimbing	1	17	17
7	Homestay Kg. Keda Lahar Tunjung	1	10	10
8	Homestay Kg. Pulau Pisang	1	10	10
9	Homestay Desa Wang Tok Rendong	1	69	88
10	Homestay Pulau Tuba	6	28	49
11	Homestay Kg. Sungai Itau	1	19	19
12	Homestay Kg. Bukit Tangga	1	8	16
13	Homestay Kg. Selat Bagan Nyior	1	13	13
14	Homestay Kg. Padang Lalang	1	5	11
Jumlah		19	296	393

*Sumber:* Kementerian Pelancongan Malaysia (2010), dikemaskini pada 14/06//2010

### **Produk program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia**

Setiap program homestay mempunyai keunikan dan daya tarikan tersendiri. Perkhidmatan yang baik dan selesa serta fasiliti yang mencukupi seperti air yang bersih, sumber tenaga elektrik yang selamat dan pengangkutan awam merupakan salah satu tanda aras kepada produk yang berkualiti. Justeru, konsep yang ditonjolkan dalam program homestay lazimnya ialah aktiviti bersama-sama keluarga angkat dan penduduk kampung. Aktiviti tersebut seperti memasak hidangan cara kampung, mempelajari cara memasak makanan tradisional, memetik buah-buahan sewaktu musimnya, mempelajari permainan tradisional seperti gasing, gasing pangkah, congkak, teng-teng, guli, permainan getah, dan layang-layang dan terokai khazanah alam semulajadi persekitaran kampung, memancing di sungai, bercucuk tanam cara tradisional. Menjadi penari untuk tarian kebudayaan, persembahan muzikal, atau menjadi pengantin dalam majlis perkahwinan yang diadakan untuk tujuan pembelajaran. Untuk maklumat tentang ciri tarikan dan produk program homestay di setiap negeri ditunjukkan dalam lampiran.

Kotak 1 menunjukkan contoh pakej yang ditawarkan oleh pihak Homestay Paya Guring di Perlis. Peserta boleh memilih pakej yang ditawarkan seperti pakej untuk 3 hari 2 malam atau pakej 2 hari 1 malam. Peserta berpeluang untuk menyaksikan majlis perkahwinan olok-olok, membuat makanan tradisional, bermain permainan tradisional dan pertunjukan kebudayaan.



Rajah 2. Bilangan Program Homestay mengikut kawasan di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia

### Kotak 1. Contoh pakej penginapan program homestay di Perlis

**Hari Pertama:** Majlis sambutan tetamu dengan bunga manggar / hadrah, minuman (*welcome drink*), taklimat untuk pembahagian peserta homestay dengan *slaid presentation*, makan tengah hari bersama keluarga angkat, lawatan lawatan kampung, minum petang, makan malam bersama keluarga angkat.

**Hari Kedua:** Makan pagi, majlis perkahwinan olok-olok, makan tengah hari, membuat makanan tradisional, minum petang bermain permainan tradisional, makan malam dan pertunjukan kebudayaan.

**Hari ketiga:** Makan pagi, majlis perpisahan bersama keluarga angkat program homestay, keberangkatan pulang pelancong.

Sumber: Brosur Pakej Homestay Paya Guring (2009/2010)

Berdasarkan Kotak 2, pakej yang ditawarkan oleh Homestay Mengkuang Titi di Pulau Pinang tidak kurang hebatnya. Peserta akan diraikan dengan minuman air kelapa dan pelbagai minuman tempatan yang lain. Peserta juga berpeluang untuk menyaksikan demonstrasi anyaman tikar mengkuang, lawatan ke kilang soya, kilang bedak sejuk dan kebun buah-buahan, bermain gasing, congkak, sepak takraw dan pertunjukan kebudayaan.

### **Kotak 2. Contoh pakej penginapan program homestay di Pulau Pinang**

**Hari Pertama:** Majlis sambutan tetamu dengan air kelapa dan minuman tempatan yang lain, taklimat untuk pembahagian peserta homestay, makan tengah hari bersama keluarga angkat program homestay, demonstrasi menganyam tikar mengkuang, lawatan ke kilang soya, kilang bedak sejuk dan kebun buah-buahan, minum petang, makan malam bersama keluarga angkat  
**Hari Kedua:** Makan pagi, demonstrasi masakan tradisional, makan tengah hari, lawatan ke Mengkuang Dam (air terjun), minum petang, aktiviti bermain gasing, congkak, sepak takraw., makan malam dan pertunjukan kebudayaan  
**Hari ketiga:** Makan pagi, majlis perpisahan bersama keluarga angkat program homestay, keberangkatan pulang pelancong

*Sumber:* Brosur Homestay Mengkuang Titi (2009/2010)

Pakej penginapan Homestay Kampung Jeruju juga menawarkan aktiviti yang menarik kepada pelancong. Berdasarkan Kotak 3, kedatangan peserta akan diraikan dengan paluan kompang, lawatan ke kawasan kampung dan tempat menarik seperti muzium, aktiviti membuat kuih tradisional, bermain permainan tradisional seperti silat, gasing dan layang-layang serta pertunjukan kebudayaan.

### **Kotak 3. Contoh Pakej Penginapan Program Homestay di Kedah**

**Hari Pertama:** Ketibaan tetamu dengan paluan kompang, taklimat untuk pembahagian peserta homestay, makan tengah hari bersama keluarga angkat program homestay, lawatan ke kawasan kampung dan tempat-tempat menarik seperti muzium, minum petang, makan malam bersama keluarga angkat  
**Hari Kedua:** Makan pagi, aktiviti pertanian, makan tengah hari, aktiviti membuat kuih tradisional, minum petang dan bermain permainan tradisional seperti silat, gasing dan layang-layang), makan malam dan pertunjukan kebudayaan  
**Hari ketiga:** Makan pagi, majlis perpisahan bersama keluarga angkat program homestay, keberangkatan pulang pelancong.

*Sumber:* Brosur Homestay Kg. Jeruju (2009/2010)

## **Prospek program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia**

### *Meningkatkan kualiti perkhidmatan*

Setelah pelbagai aktiviti dan kaedah digunakan untuk memperkasakan program homestay bermula dengan peruntukan yang tinggi untuk menyediakan kemudahan tempat tinggal yang selesa, menyediakan makanan yang sempurna (perlu menjalani kursus terlebih dahulu), perancangan aktiviti yang menarik dengan penglibatan penduduk kampung serta keindahan alam semulajadi yang menjadi keunikan dan tarikan tersendiri di setiap program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Produk dan profil yang direncanakan dengan teliti dan tersusun dalam program homestay ini sudah cukup menarik perhatian ramai pihak untuk mencuba pengalaman baru untuk tinggal di homestay dan menjalani kehidupan desa yang selesa.

### *Mempelbagaikan produk pelancongan*

Program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia adalah berpotensi sebagai tarikan pelancongan yang mampu berdaya saing setanding dengan produk pelancongan yang lain. Program homestay merupakan program yang unik dan istimewa kerana melalui program ini banyak manfaat diperoleh seperti peningkatan taraf hidup dan status ekonomi penduduk kampung, khazanah warisan Melayu dimartabatkan dan dipelihara dengan pelbagai aktiviti



kebudayaan yang menyeronokkan disamping menikmati hidangan masakan tradisional Melayu. Selain itu, pelbagai aktiviti dapat dilakukan untuk mempelbagaikan produk homestay seperti mempelbagaikan masakan Melayu dan kuih muih tradisi, upacara berkhatan dan majlis berzanji serta majlis khatam Al-quran.

#### *Meningkatkan dan mempelbagaikan strategi promosi*

Sehingga kini, setiap negeri mempunyai program homestay yang ditubuhkan oleh komuniti luar bandar dengan sokongan dan galakan daripada pihak kerajaan yang giat mempromosikan program tersebut kerana mempunyai potensi untuk meningkatkan taraf hidup komuniti luar bandar (Kalsom Kayat, 2007). Strategi promosi boleh dilakukan melalui pengusaha, keluarga angkat dan penduduk kampung. Program televisyen yang diadakan seperti program bersama Chef Wan dalam rancangan 'Wan Malaysia' mempromosikan homestay dengan hebat. Rancangan tersebut berjaya menjadi salah satu strategi promosi yang baik.

#### *Menaiktaraf hidup dan meningkatkan ekonomi*

Program homestay memberi peluang kepada keluarga pengusaha yang kekurangan pengalaman dan ilmu perniagaan dalam menguruskan perkhidmatan berorientasikan perniagaan. Aktiviti yang ditawarkan seperti produk program homestay di Wilayah Utara Malaysia ini membantu dalam merencanakan dan menjana ekonomi pada masa depan agar mampu berdaya saing dan memberikan manfaat sepenuhnya kepada komuniti tempatan.

#### *Meningkatkan prasarana dan fasiliti yang sedia ada*

Prasarana dan fasiliti yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk program homestay adalah yang terbaik dengan penyediaan kemudahan air, elektrik, jalan raya, perpustakaan, dewan, balai raya, gerai, pusat keusahawanan dan sebagainya. Justeru, program homestay adalah peluang terbaik penduduk kampung untuk bersatu padu menjayakan misi dan visi sepertimana yang telah ditetapkan dalam Pelan Pembangunan Luar Bandar.

#### *Meningkatkan kualiti persekitaran dan alam sekitar*

Program homestay dilihat sebagai satu platform terbaik untuk memperkenalkan budaya warisan Melayu khususnya kehidupan di kampung yang nyaman dan tenang jauh dari kesesakan lalu lintas, pencemaran bunyi dan pencemaran udara. Selain itu, tarikan sekitar juga memainkan peranan penting kerana pelancong ingin mengetahui lokasi menarik yang berada di kawasan sekitar. Kawasan di sekitar homestay seperti air terjun, taman negara, padang golf, taman bunga dan sebagainya merupakan lokasi yang menjadi perhatian pelancong. Tambahan pula, program homestay adalah salah satu cabang dalam ekopelancongan (Chaiwatchara Promjittiphong, 2005).

#### *Meningkatkan pengurusan homestay dan pengurusan sumber manusia*

Prospek yang dilihat sebagai salah satu daya saing yang dapat menjadi pemangkin kepada program pelancongan di negara ini. Perbelanjaan terhadap homestay kerajaan menyediakan peruntukan melalui Peruntukan Dasar Baru Homestay 2009 sebanyak RM5000 dan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua Homestay 2009 sebanyak RM10juta (Harian Metro, 6 Mei 2010). Manakala Menteri Pelancongan Malaysia Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen mensasarkan kedatangan pelancong asing meningkat kepada 25 juta orang berbanding 24 juta tahun lepas dengan pendapatan pelancong sebanyak RM 60 bilion (Harian Kosmo, 7 Februari 2011).

#### *Peranan pihak masyarakat dan agensi luar*

Pembangunan program dan produk homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia adalah selaras dengan objektif Wilayah Ekonomi Korridor Utara (WEKU) iaitu untuk menjadi koridor ekonomi yang mengamalkan gaya hidup seimbang, pendekatan perniagaan secara menyeluruh, serta prihatin terhadap komuniti. Jurnal ini juga dapat menjadi sumber rujukan ilmiah kepada

institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta menjadi bahan rujukan asas kepada penyelidikan yang berkaitan program homestay. Selain itu, pihak INFRA dan jawatankuasa kampung (JKK) sama-sama turut serta menjayakan program homestay di setiap kampung.

## Kesimpulan

Program homestay menawarkan pelbagai pakej bagi pelancong yang ingin menyertai program homestay mengikut pilihan mereka. Program yang menjadi agenda pembangunan negara ini mampu mengubah kemajuan sesebuah kampung di samping menjayakan objektif projek berasaskan komuniti yang ingin mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan luar bandar. Segala kekangan dan masalah yang membelenggu dalam program memberi kekuatan dan mendorong semangat mereka untuk menjayakan program tersebut ke tahap yang lebih baik. Justeru, sikap kepimpinan dan motivasi yang tinggi adalah penting bagi setiap pengusaha homestay demi mencapai matlamat dan objektif penubuhan program di kampung mereka. Perkembangan dan pembangunan program homestay dilihat dari segi infrastruktur kampung, sosioekonomi komuniti, organisasi kepimpinan, keusahawanan dan ciri tarikan homestay dan keistimewaan homestay tersebut. Prospek dan cabaran homestay di program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia pada masa depan dilihat dapat bersaing dengan negara maju dan negara membangun yang lain. Keadaan politik, sosial dan ekonomi yang stabil dan perancangan masa depan yang teliti di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia memberi keyakinan bahawa program pelancongan khususnya program homestay dapat mengekalkan kredibilitinya sebagai program yang memacu ekonomi di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Dengan kata lain, konsep homestay yang diterapkan oleh kerajaan dan pengisian aktiviti dengan penglibatan penduduk kampung khususnya di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia memberi manfaat dan nilai tambah kepada penduduk kampung, peserta homestay, pelancong dan kampung itu sendiri.

## Penghargaan

Sekalung budi dan penghargaan buat Universiti Sains Malaysia (USM) kerana membiayai penyelidikan ini melalui Geran Universiti bernombor akaun 1001/phumaniti/816095.

## Rujukan

- Chaiwatchara Promjittiphong (2005) *Foreingner tourist satisfaction on homestay services in Royal Project Development Center Teen – Tok, Chiang Mai Province*. Mahidol University, Thailand.
- Hathaichanok Phonwiset, Prasan Yomsatharn, Wisitri Chusakul (2008) *Tourist satisfaction with homestay tourism: Baan Pang Dang, Chiang Mai Province*. Naresuan University, Thailand.
- Harian Metro, 6 Mei 2010.
- Harian Kosmo, 7 Februari 2011.
- Kementerian Pelancongan Malaysia (2009) Maklumat pelancong: Program homestay [Cited 20 June 2009]. Available from: <http://www.motour.gov.my>.
- Norliza Aminudin, Salamiah A Jamal (2006) *Homestay Selangor: Keunikan dan pengalaman pengusaha*. Pusat Penerbit Universiti, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Wipada Unlumert (2007) *Criteria creation for management evaluation of Thai homestay: A case study of Ubonratchathani Province, Thailand*. Mahidol University, Bangkok.